

Kastam Sarawak rampas rokok rokok haram RM12.64j



orizan (tengah) menunjukkan rokok seludup yang dirampas pada sidang media di Kuching, semalam. (Foto Mohd Roji Kawi/BH)

Kuching: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas lebih 16.6 juta rokok dengan anggaran bernilai RM12.64 juta, termasuk duit dan cukai dalam serbuan di premis di Batu 5 Jalan Senaba, di sini.

Serbuan dilakukan pada 12 Februari lalu turut mengagalkan taktik penyeludup yang menjadikan premis di kawasan terpencil dan agak tersembunyi untuk menyorok barangan seludup dipercayai bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Pengarah Kastam negeri, Norizan Yahya, berkata pemeriksaan lanjut mendapati 16.6 juta rokok pelbagai jenama disimpan dalam premis dengan anggaran nilai sitaan RM1.5 juta, manakala duit dan cukai rokok bernilai RM11.14 juta.

“Modus operandi sindiket membawa masuk rokok dari negara jiran melalui laut dan mengisytiharkannya sebagai barangan lain ketika tiba di beberapa pelabuhan yang ada di Kuching, sebelum menyimpannya di premis terpencil.

“Rokok ini akan diedar untuk pasaran tempatan sekitar Kuching, manakala sebahagian lagi dihantar ke bahagian lain di Sarawak,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Rampasan rokok terbesar

Norizan berkata, rampasan rokok itu terbesar di Sarawak tahun ini dengan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967, selain Seksyen 74(1)(e) Akta Eksais 1976 kerana cubaan mengelakkan dengan

fraud duit eksais.

Beliau berkata, seorang lelaki tempatan berusia 44 tahun ditahan dalam serbuan itu dan sebuah lori jenis Toyota dianggar bernilai RM80,000 disyaki digunakan untuk mengangkut rokok turut disita.

Katanya, berikutan kekerapan penyeludupan melalui laut, JKDM bersama agensi lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) serta Pasukan Polis Marin (PPM) meningkatkan peantauan di perairan dan pemeriksaan di pelabuhan.

“Penyeludup menggunakan pelbagai cara termasuk mengubah pendekatan untuk membawa masuk barang larangan bagi mengelirukan pihak berkuasa,” katanya.